

NO. SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana penentuan skor diberikan bagi setiap sektor di bawah Indeks Syariah yang diumumkan baru-baru ini.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya instrumen pengumpulan data penyelidikan Indeks Syariah Malaysia (ISM) adalah melalui soal selidik dalam setiap bidang yang dikemukakan kepada responden yang terdiri daripada tiga kategori iaitu pembuat dasar, pelaksana dasar dan masyarakat. Asas pengukuran yang digunakan bagi setiap bidang adalah berdasarkan lima (5) prinsip

Maqasid Syariah yaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Data-data yang diperoleh akan dianalisis dan diolah menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Science) secara diskriptif untuk mengukur ketiga-tiga kategori responden yang terlibat. Skor ISM bagi setiap bidang dihasilkan melalui penggabungan sub-indeks yaitu Indeks Pemerintah, Indeks Pelaksana dan Indeks Masyarakat bagi lima prinsip *Maqasid Syariah* dengan mengambil purata berpemberat tiga indeks tersebut.

Sekian, terima kasih.